

Artikel

Hubungan antara Amalan Pengurusan Keperluan Murid dengan Kemenjadian Murid Orang Asli
(*The Relationship Between the Practice of Managing Students Needs and the Outcomes of Orang Asli Students*)

Yusoff Yahaya¹, Bity Salwana Alias² & Mohd Norazmi Nordin³

¹Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

²Pusat Kajian Kepimpinan & Polisi Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

³Pusat Kajian Pendidikan & Kesejahteraan Komuniti, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

*Pengarang Koresponden: bity@ukm.edu.my

Diserah: 03 Julai 2025

Diterima: 03 November 2025

Abstrak: Kajian ini dijalankan untuk meneliti permasalahan berkaitan amalan pengurusan keperluan murid dalam kalangan guru besar sekolah rendah di penempatan Orang Asli yang masih kurang diberi perhatian dalam literatur pendidikan arus perdana. Dalam konteks pendidikan komuniti marginal, keperluan murid perlu diurus secara holistik oleh pemimpin sekolah agar potensi murid dapat berkembang dari aspek akademik, sahsiah dan kokurikulum. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan mengkaji hubungan antara amalan pengurusan keperluan murid oleh guru besar dengan tahap kemenjadian murid Orang Asli. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian korelasi yang melibatkan seramai 342 orang guru dari sekolah rendah penempatan Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Instrumen kajian berupa soal selidik yang dibina berasaskan teori Hierarki Keperluan Maslow dan kerangka kemenjadian murid SKPM Kualiti@Sekolah. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferensi, termasuk analisis korelasi Pearson bagi menilai kekuatan hubungan antara pemboleh ubah. Hasil kajian menunjukkan tahap amalan pengurusan keperluan murid adalah tinggi, manakala tahap kemenjadian murid juga berada pada tahap yang memuaskan dalam dimensi akademik, sahsiah, dan kokurikulum. Analisis korelasi mendapati wujud hubungan positif yang signifikan antara pengurusan keperluan murid dan kemenjadian murid. Implikasi kajian menegaskan bahawa guru besar yang responsif terhadap keperluan murid mampu meningkatkan potensi murid secara menyeluruh. Justeru, latihan kepimpinan sekolah disaran menitikberatkan pengurusan keperluan murid khususnya di sekolah berkumuniti terpinggir. Kajian ini seterusnya menyumbang kepada dasar pendidikan yang berfokuskan kepimpinan instruksional yang inklusif, peka budaya dan berpusatkan murid. budaya.

Kata kunci: Kepimpinan sekolah; keperluan murid; kemenjadian murid; komuniti Orang Asli; pengurusan pendidikan

Abstract: This study was conducted to address the issue of student needs management practices among headmasters in Orang Asli primary schools, an area that has received limited attention in mainstream educational literature. Within the context of marginalised communities, student needs must be managed holistically by school leaders to ensure that students' potential is fully developed across academic, personal, and co-curricular domains. Accordingly, this study aimed to examine the relationship between headmasters' management of student needs and the overall student outcomes in Orang Asli schools. The study employed a

quantitative correlational design involving 342 teachers from primary schools located in Orang Asli settlements across Peninsular Malaysia. The research instrument was a questionnaire developed based on Maslow's Hierarchy of Needs and the SKPM Kualiti@Sekolah framework of student outcomes. Data were analysed using descriptive and inferential statistics, including Pearson correlation to measure the strength of relationships between variables. The findings revealed that the level of student needs management practices was high, while student outcomes were also recorded at satisfactory levels across academic, personal, and co-curricular dimensions. Pearson correlation analysis indicated a significant positive relationship between student needs management and student outcomes. The implications highlight that headmasters who are responsive to students' needs can enhance students' holistic development. Therefore, school leadership training is recommended to prioritise student needs management, especially in marginalised community schools. This study contributes to educational policy by reinforcing inclusive, culturally sensitive, and student-centred instructional leadership practices.

Keywords: School leadership; student needs; student outcomes; Orang Asli communities; educational management

Pengenalan

Pembangunan modal insan negara bergantung pada sistem pendidikan yang inklusif dan responsif. Di Malaysia, pelbagai dasar dan usaha telah dilaksanakan untuk memastikan semua masyarakat, termasuk Orang Asli, mempunyai akses kepada pendidikan berkualiti tinggi. Namun begitu, pendidikan Orang Asli masih menghadapi banyak cabaran, termasuk kadar kehadiran yang rendah, pencapaian akademik yang lemah dan masalah keciciran Nordin et al. (2020). Dalam hal ini, peranan pemimpin sekolah khususnya guru besar menjadi amat penting dalam memastikan keperluan unik murid Orang Asli dikenalpasti, difahami dan ditangani secara berkesan.

Menurut Leithwood dan Sun (2012), kepimpinan pendidikan yang berkesan mampu mempengaruhi keberhasilan murid secara tidak langsung melalui pengurusan persekitaran pembelajaran yang kondusif dan menyeluruh. Ini termasuk keupayaan guru besar untuk mengurus keperluan murid secara holistik meliputi aspek akademik, emosi, sosial dan keselamatan. Bagi komuniti minoriti seperti Orang Asli, pengurusan keperluan murid ini haruslah mengambil kira faktor budaya, bahasa ibunda, latar sosioekonomi dan struktur komuniti tempatan Azmi et al. (2022). Pengabaian terhadap dimensi ini boleh menjejaskan kemenjadian murid, iaitu perkembangan murid dari sudut akademik, sahsiah, kokurikulum dan identiti diri.

Kemenjadian murid dalam konteks pendidikan Malaysia merangkumi pembangunan potensi murid secara menyeluruh seperti yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025). Hal ini turut selaras dengan matlamat Pendidikan untuk Semua (*Education for All*) dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG4), yang menekankan kualiti pendidikan dan kesamarataan peluang bagi semua lapisan masyarakat. Namun begitu, pencapaian murid Orang Asli masih berada di bawah paras nasional dalam banyak indikator pendidikan kebangsaan. Ini menimbulkan persoalan terhadap bagaimana pengurusan keperluan murid oleh pemimpin sekolah, khususnya guru besar, dapat memainkan peranan sebagai pemangkin kepada pencapaian dan perkembangan holistik murid-murid ini.

Beberapa kajian lepas menunjukkan bahawa amalan pengurusan keperluan murid yang efektif berkait rapat dengan peningkatan motivasi, kesejahteraan dan prestasi pelajar (Muhammad & Mydin Kutty, 2021). Dalam konteks pendidikan komuniti terpinggir, guru besar yang mempunyai kesedaran budaya dan keupayaan untuk bertindak secara kontekstual akan dapat melaksanakan intervensi yang lebih bermakna kepada murid (Bishop et al., 2019). Oleh itu, pengkaji melihat keperluan untuk menyelidiki secara empirik hubungan antara amalan pengurusan keperluan murid dengan tahap kemenjadian murid Orang Asli, khususnya di sekolah rendah yang terletak di penempatan komuniti ini.

Kajian ini dijangka dapat mengisi jurang literatur sedia ada yang masih terhad dalam mengkaji kesan langsung pengurusan keperluan murid terhadap hasil pendidikan murid Orang Asli. Selain itu, ia boleh membantu Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan

pemimpin sekolah merancang intervensi yang lebih tertumpu kepada keperluan murid. Ia juga boleh membantu mereka membina persekitaran sokongan yang bersesuaian dengan keperluan sebenar pelajar. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan bagi meneliti hubungan antara amalan pengurusan keperluan murid oleh guru besar dengan kemenjadian murid Orang Asli dalam konteks sekolah rendah di Semenanjung Malaysia.


Sorotan Literatur

Amalan pengurusan keperluan murid merujuk kepada usaha sistematik dan berstrategi oleh pemimpin sekolah, khususnya guru besar, dalam mengenal pasti, merancang, melaksana serta menilai tindakan-tindakan yang bertujuan memenuhi keperluan asas, perkembangan dan potensi murid di sekolah (Amran et al., 2022). Ia bukan sekadar melibatkan pengurusan fizikal dan logistik seperti penyediaan makanan, keselamatan atau kemudahan asas, tetapi turut merangkumi aspek emosi, sosial, pembelajaran dan kesejahteraan menyeluruh murid dalam persekitaran sekolah (Careemdeen & Awang, 2025).

Dalam konteks pendidikan formal, keperluan murid boleh ditafsirkan sebagai elemen-elemen yang perlu dipenuhi bagi membolehkan murid berfungsi secara optimum dalam proses pembelajaran dan perkembangan diri (Yaakub & Mohd Hamzah, 2020). Keperluan ini perlu diurus secara profesional melalui pendekatan kepimpinan yang prihatin, adil dan peka terhadap latar belakang serta keragaman budaya murid lebih-lebih lagi dalam konteks sekolah komuniti minoriti seperti Orang Asli.

Secara amnya, amalan pengurusan keperluan murid boleh dikategorikan kepada lima dimensi utama berdasarkan keperluan asas manusia yang digariskan oleh Maslow (1943) dalam teori hierarki keperluannya:

- i. Keperluan Fisiologi (Physiological Needs) merangkumi penyediaan makanan, tempat tinggal, pakaian dan kesihatan asas. Dalam konteks sekolah, ia termasuk penyediaan makanan tambahan (seperti RMT), air bersih, ruang pembelajaran yang selesa dan waktu rehat yang mencukupi.
- ii. Keperluan Keselamatan (Safety Needs) melibatkan aspek keselamatan fizikal dan emosi murid seperti perlindungan daripada buli, persekitaran bebas keganasan, serta struktur sokongan disiplin yang adil dan berkesan.
- iii. Keperluan Kasih Sayang dan Rasa Dimiliki (Love and Belongingness Needs) menekankan pentingnya murid berasa diterima, dihargai dan menjadi sebahagian daripada komuniti sekolah. Ini boleh dicapai melalui aktiviti kolaboratif, sokongan rakan sebaya, dan hubungan mesra antara murid dan guru.
- iv. Keperluan Penghargaan Diri (Esteem Needs) merujuk kepada pembangunan harga diri, rasa kompetensi dan pengiktirafan terhadap usaha murid. Guru besar boleh melaksanakan dasar dan program yang meraikan pencapaian murid dalam bidang akademik, kokurikulum dan sahsiah.
- v. Keperluan Sempurna Kendiri (Self-Actualization Needs) berkaitan dengan potensi maksimum murid untuk berkembang mengikut bakat, minat dan cita-cita. Ini melibatkan penyediaan ruang untuk ekspresi sendiri, pemikiran kritis, kreativiti serta pemerksaan murid melalui pelibatan aktif dalam pembelajaran.



Rajah 1. Hierarki Keperluan Maslow
Sumber: Maslow (1943)

Dalam konteks sekolah Orang Asli, pengurusan keperluan murid memerlukan pendekatan yang kontekstual dan peka budaya (*culturally responsive*) kerana keperluan murid bukan sahaja berasaskan keperluan fisiologi tetapi turut terikat dengan struktur komuniti, sistem nilai, dan pengalaman pendidikan terdahulu yang unik (Rosniza Aznie et al., 2025). Oleh itu, guru besar perlu memahami bahawa setiap dimensi keperluan ini saling berkait dan memberi impak langsung kepada motivasi, keterlibatan dan pencapaian murid di sekolah.

Model hierarki keperluan Maslow ini memberi asas teori yang kukuh untuk menjelaskan bagaimana kekurangan dalam memenuhi keperluan asas boleh menjejaskan proses pembelajaran murid. Menurut Maslow (1987), memenuhi keperluan yang lebih rendah dahulu sebelum individu boleh memberi tumpuan atau memenuhi keperluan tahap lebih tinggi seperti penghargaan diri dan sempurna sendiri. Dalam konteks pendidikan Orang Asli, ketidakcukupan keperluan asas seperti makanan, keselamatan dan rasa dihargai boleh menjadi penghalang utama kepada pencapaian dan pembangunan potensi murid secara menyeluruh. Dengan itu, pengurusan keperluan murid oleh guru besar bukan sekadar amalan pentadbiran biasa, tetapi merupakan sebahagian daripada strategi kepimpinan instruksional dan kemanusiaan yang menyokong pertumbuhan dan kemenjadian murid. Penekanan terhadap pengurusan keperluan yang menyeluruh dan berpusatkan murid boleh memberi kesan signifikan terhadap iklim sekolah, motivasi murid serta keberhasilan pendidikan, khususnya dalam komuniti yang berisiko dan kurang berdaya seperti komuniti Orang Asli.

Kemenjadian murid merupakan istilah yang merujuk kepada pencapaian dan perkembangan murid secara holistik yang merangkumi bidang akademik, sahsiah, keterampilan sosial, penglibatan kokurikulum dan jati diri murid. Dalam kerangka pendidikan nasional, kemenjadian murid merupakan matlamat teras sistem persekolahan kerana ia mencerminkan tahap keberkesanan proses pendidikan dalam melahirkan individu yang seimbang dari aspek kognitif, emosi, rohani dan jasmani, selaras dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan.



Rajah 2. Model kemenjadian murid
Sumber: SKPM Kualiti@Sekolah (2022)

Bagi murid Orang Asli, konsep kemenjadian perlu dilihat dari lensa budaya dan sosial yang berbeza. Ini kerana latar sosioekonomi, struktur keluarga, kepercayaan, dan akses terhadap pendidikan formal yang tidak seimbang menjadikan proses pembentukan murid memerlukan pendekatan yang lebih bersifat kontekstual dan inklusif (Yahaya & Alias, 2024). Dalam kebanyakan kes, murid Orang Asli menghadapi cabaran dari segi literasi asas, ketidakhadiran ke sekolah, motivasi pembelajaran yang rendah, serta kurangnya sokongan rumah dan komuniti terhadap pendidikan formal Yew et al. (2021). Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) juga melahirkan kebimbangan dengan isu keciciran dalam kalangan murid Orang Asli (Abdul Rahman, 2021). Menurut Basri et al. (2021), kemenjadian murid di sekolah dapat diukur melalui beberapa indikator utama yang mencerminkan pencapaian holistik dan pembangunan menyeluruh murid. Pertama, pencapaian akademik merupakan penunjuk penting yang dilihat melalui keputusan peperiksaan serta penilaian bilik darjah yang menggambarkan tahap penguasaan ilmu pengetahuan dan kemahiran asas dalam pelbagai mata pelajaran.

Kedua, perkembangan sahsiah merangkumi aspek tingkah laku, disiplin dan nilai moral murid yang mencerminkan pembentukan peribadi mulia serta pematuhan terhadap norma sosial dan etika. Ketiga, penglibatan aktif murid dalam aktiviti kokurikulum seperti sukan, kelab dan kepimpinan pelajar pula menunjukkan keupayaan mereka mengembangkan bakat, kepimpinan serta daya saing secara sihat. Keempat, keterampilan komunikasi dan kerjasama sosial merupakan elemen penting dalam membentuk murid yang mampu berinteraksi dengan berkesan serta bekerjasama dalam pelbagai situasi dan persekitaran. Akhir sekali, pembentukan identiti dan jati diri sebagai rakyat Malaysia menekankan kepentingan penghayatan terhadap nilai kenegaraan, budaya kebangsaan serta semangat perpaduan yang menjadi asas kepada kewarganegaraan yang bertanggungjawab. Untuk membentuk murid atau pelajar yang mempunyai tahap sosial, emosi dan sahsiah yang seimbang, semua indikator ini perlulah saling melengkapi di antara satu sama lain. Namun demikian, bagi murid Orang Asli, penilaian terhadap kemenjadian murid tidak boleh bergantung kepada indikator standard semata-mata. Penyelidik seperti Fadhilah (2024) mencadangkan agar dimensi kemenjadian turut mengambil kira keupayaan murid menyesuaikan diri dengan pendidikan arus perdana tanpa menafikan akar budaya mereka. Ini termasuklah:

- i. Keupayaan mengekalkan identiti budaya dan bahasa ibunda;
- ii. Rasa penerimaan terhadap diri dalam komuniti majoriti;
- iii. Peningkatan keyakinan dan harga diri;
- iv. Keterlibatan aktif dalam proses pembelajaran;
- v. Aspirasi pendidikan yang lebih tinggi.

Kajian oleh Daud dan Othman (2025) pula mendapati bahawa faktor persekitaran sekolah yang selamat, guru yang prihatin dan hubungan mesra dengan pemimpin sekolah merupakan antara elemen penting yang menyumbang kepada kemenjadian murid Orang Asli. Justeru, guru besar memainkan peranan penting bukan sahaja dalam menyediakan sokongan akademik, tetapi juga dalam membina ekosistem sekolah yang inklusif, hormat budaya dan mesra murid. Kemenjadian murid Orang Asli juga berkait rapat dengan tahap kehadiran, minat terhadap pembelajaran dan kepercayaan terhadap nilai pendidikan itu sendiri. Ketidakhadiran murid Orang Asli ke sekolah adalah antara cabaran utama yang menjejaskan proses pembentukan sendiri mereka. Hal ini sering berpunca daripada persekitaran rumah yang kurang menyokong, stigma pendidikan, atau ketidakfahaman terhadap keperluan murid oleh pihak sekolah. Maka, apabila keperluan murid ini tidak ditangani secara proaktif, ia boleh memberi kesan langsung kepada pencapaian dan potensi murid untuk berkembang (Harun & Harun, 2025).

Dalam hal ini, pengurusan keperluan murid oleh guru besar secara strategik dan empatik boleh menjadi pemangkin kepada peningkatan kemenjadian murid Orang Asli. Kajian oleh (Kamsin & Khalid, 2023) menunjukkan bahawa intervensi bersasar yang dilaksanakan oleh guru besar seperti pemantauan kehadiran, program motivasi berfokus budaya, penglibatan ibu bapa dan kolaborasi dengan JAKOA telah menunjukkan peningkatan dalam tahap literasi dan pencapaian sahsiah murid Orang Asli di beberapa sekolah pedalaman. Kesimpulannya, kemenjadian murid Orang Asli bukan sahaja perlu dilihat dalam kerangka pencapaian akademik semata-mata, tetapi perlu dinilai secara holistik dengan mengambil kira dimensi sosial, emosi, budaya dan komuniti. Oleh itu, dalam kajian ini, kemenjadian murid akan dinilai berdasarkan indikator yang merangkumi pencapaian akademik, sahsiah dan kokurikulum yang disesuaikan dengan konteks pendidikan komuniti Orang Asli, serta kaitannya dengan peranan guru besar dalam memenuhi keperluan murid secara menyeluruh.

Hubungan antara amalan pengurusan keperluan murid oleh guru besar dan kemenjadian murid telah menjadi fokus perbincangan dalam pelbagai kajian terdahulu yang menekankan peranan kepimpinan sekolah dalam mewujudkan persekitaran pembelajaran yang menyokong perkembangan holistik murid (Hallinger, 2018). Dalam konteks komuniti terpinggir seperti Orang Asli, kepimpinan guru besar yang responsif terhadap keperluan murid menjadi semakin penting bagi menjamin keterlibatan aktif murid dalam pembelajaran serta meningkatkan hasil pendidikan mereka.

Amalan pengurusan keperluan murid melibatkan usaha guru besar untuk memastikan murid menerima sokongan yang mencukupi daripada aspek fizikal, emosi, sosial dan kognitif (Razak, 2022). Apabila

keperluan-keperluan ini dikenalpasti dan ditangani dengan berkesan, ia dapat mewujudkan rasa aman, diterima dan dihargai dalam kalangan murid yang mana secara langsung akan mempengaruhi motivasi dalaman, kehadiran ke sekolah, penglibatan dalam aktiviti pembelajaran dan keberhasilan pendidikan murid. Beberapa kajian empirikal menunjukkan bahawa pemimpin sekolah yang mengutamakan kesejahteraan dan keperluan murid mampu mencipta perubahan positif dalam prestasi akademik serta pembangunan sahsiah murid. Sebagai contoh, kajian oleh Ahmad et al. (2022) mendapati bahawa kepekaan pemimpin sekolah terhadap keperluan emosi dan psikososial murid secara signifikan menyumbang kepada peningkatan motivasi belajar, disiplin diri dan keupayaan sendiri pelajar. Sementara itu, di Malaysia, kajian oleh Basri et al. (2021) mendapati bahawa guru besar yang melaksanakan pendekatan kepimpinan humanistik dan kontekstual dapat mempengaruhi pembentukan nilai positif dan jati diri murid, terutamanya dalam persekitaran sekolah luar bandar dan pedalaman.

Dalam konteks sekolah Orang Asli, hubungan antara pengurusan keperluan murid dan kemenjadian murid menjadi lebih kritikal kerana murid ini sering berhadapan dengan kekangan seperti kemiskinan, jurang bahasa, dan persekitaran keluarga yang kurang menyokong pendidikan formal (Othman, 2022). Jika guru besar mampu menyusun strategi dan program yang menjurus kepada pemenuhan keperluan unik murid ini – seperti menyediakan sokongan makanan, bimbingan emosi, pemerkasaan budaya dan pembelajaran berpusatkan murid – maka murid lebih berpotensi untuk mencapai kemenjadian yang lebih seimbang dan bermakna.

Tambahan pula, pelaksanaan intervensi kepimpinan yang terancang, seperti program mentoring berasaskan budaya, aktiviti pengayaan kurikulum yang mesra budaya serta pelibatan komuniti dalam proses pembelajaran telah didapati dapat meningkatkan semangat kehadiran, keyakinan sendiri serta keterlibatan murid Orang Asli dalam aktiviti sekolah (Abdullah, 2022). Oleh itu, adalah wajar untuk menyatakan bahawa amalan pengurusan keperluan murid oleh guru besar berfungsi sebagai salah satu faktor utama yang boleh mendorong kemenjadian murid secara menyeluruh.

Hubungan bagi kedua-dua pemboleh ubah ini juga disokong oleh teori hierarki keperluan Maslow. Menurut teori ini, pemimpin sekolah yang mampu memenuhi keperluan asas pelajar dan keperluan sendiri mereka sepenuhnya akan mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih bermakna, yang akan menyumbang kepada pembentukan sahsiah, pencapaian dan kesejahteraan murid (Daud & Othman, 2025). Oleh itu, kajian ini mengasaskan hipotesis H_a : terdapat hubungan antara amalan pengurusan keperluan murid dengan tahap kemenjadian murid Orang Asli. Hipotesis ini dijangka disokong oleh dapatan kuantitatif yang akan mengesahkan bahawa semakin tinggi amalan pengurusan keperluan murid oleh guru besar, semakin tinggi tahap kemenjadian murid Orang Asli di sekolah.

Metodologi

Reka bentuk kuantitatif dengan pendekatan kajian korelasi bagi meneliti hubungan antara amalan pengurusan keperluan murid oleh guru besar dengan tahap kemenjadian murid Orang Asli. Reka bentuk ini dipilih bagi membolehkan pengkaji mengkaji hubungan antara pemboleh ubah yang dikaji tanpa manipulasi terhadap pemboleh ubah bebas (Creswell & Creswell, 2018). Data dikumpul secara keratan rentas melalui soal selidik yang dibangunkan khas berdasarkan konstruk kajian.

Guru sekolah rendah yang bertugas di sekolah-sekolah yang terletak dalam kawasan penempatan komuniti Orang Asli di Semenanjung Malaysia merupakan populasi kajian ini. Pemilihan sampel kajian menggunakan teknik pensampelan rawak mudah di mana setiap individu dalam populasi mempunyai peluang yang sama dan bebas untuk dipilih sebagai sampel kajian. Saiz sampel ditentukan berdasarkan jadual (Krejcie & Morgan, 1970), populasi berjumlah 1,720 orang, saiz sampel yang dicadangkan adalah sekitar 313 orang, namun bagi meningkatkan kebolehppercayaan data, kajian ini melibatkan $n = 342$ orang guru.

Pengkaji membina instrumen kajian iaitu soal selidik berdasarkan sorotan literatur dan teori yang relevan. Soal selidik terbahagi kepada tiga bahagian utama iaitu Bahagian A mengandungi empat item iaitu jantina, umur, kelayakan akademik tertinggi dan tempoh berkhidmat di sekolah semasa bagi mengumpul maklumat demografi responden. Bahagian B pula mengenai amalan pengurusan keperluan murid oleh guru besar. Soalan soal selidik ini merupakan soalan yang diadaptasi dan diubah suai daripada instrumen kajian

terdahulu. Soal selidik asal daripada kajian, "Amalan Pengurusan Keperluan Murid Dalam Kalangan Pengetua Dan Kemenjadian Murid B40 Di Kelantan" Muhammad dan Alias (2020), mengandungi 38 item yang kesemuanya bertujuan untuk menilai amalan pengurusan keperluan murid oleh guru besar. Bahagian D mengandungi 17 item yang digunakan untuk menilai kemenjadian murid, pengkaji telah menggunakan soal selidik yang diadaptasi daripada kajian mengenai Hubungan dan Pengaruh Profesionalisme Guru Terhadap Kemenjadian Murid oleh Zakaria et al. (2021) berdasarkan SKPM Kualiti@Sekolah. Pengukuran item menggunakan skala Likert 5 mata (1 = Sangat Tidak Setuju hingga 5 = Sangat Setuju). Nilai kebolehpercayaan (Alpha Cronbach) untuk instrumen ini adalah antara 0.86 hingga 0.94, menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang tinggi.

Data dikumpul melalui edaran borang soal selidik secara fizikal dan dikembalikan kepada pengkaji melalui perkhidmatan pos. Sekolah-sekolah yang terlibat dihubungi terlebih dahulu untuk mendapatkan kebenaran pentadbiran, dan edaran dilakukan dengan kerjasama Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) serta Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). Responden diberi penerangan berkaitan tujuan kajian serta jaminan kerahsiaan maklumat yang diberikan. Semua data dikumpulkan dalam tempoh enam minggu.

Analisis data dalam kajian ini telah dilaksanakan dengan menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 30.0. Analisis Deskriptif bertujuan untuk menggambarkan taburan skor, nilai min dan sisihan piawai bagi setiap pemboleh ubah yang terlibat dalam kajian. Kaedah interpretasi bagi nilai-nilai ini adalah berdasarkan panduan yang disarankan oleh Nunnally dan Bernstein (1994) melalui karya mereka *Psychometric Theory* (Edisi Ketiga), yang menekankan kepentingan ketekalan dalaman dan taburan skor dalam penilaian kebolehpercayaan instrumen kajian.

Analisis inferensi telah dijalankan menggunakan Ujian Korelasi Pearson bagi menentukan kekuatan dan arah hubungan linear antara pemboleh ubah amalan pengurusan keperluan murid oleh guru besar dengan tahap kemenjadian murid Orang Asli. Nilai pekali korelasi (r) yang diperoleh telah ditafsirkan berdasarkan kriteria yang dicadangkan oleh (Cohen et al., 2018).

Kajian ini telah mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti dan Kementerian Pendidikan Malaysia. Setiap responden telah diberikan borang persetujuan maklum (informed consent) serta dimaklumkan bahawa penyertaan mereka adalah secara sukarela. Mereka juga diberi hak untuk menarik diri daripada kajian pada bila-bila masa tanpa sebarang implikasi. Semua maklumat dan data yang diperoleh dikendalikan secara sulit dan digunakan hanya untuk tujuan penyelidikan akademik sahaja.

Hasil Kajian

Bahagian ini menerangkan keputusan analisis data kajian yang melibatkan seramai 342 guru dari sekolah kebangsaan di penempatan Orang Asli Semenanjung Malaysia. Analisis data termasuk statistik deskriptif dan inferensi. Korelasi Pearson digunakan untuk menguji hubungan antara kaedah guru besar untuk menguruskan keperluan murid dan tahap kemenjadian murid Orang Asli.

1. Tahap Amalan Pengurusan Keperluan Murid oleh Guru Besar

Kesemua konstruk yang dianalisis menunjukkan nilai min yang berada dalam julat 4.01 hingga 5.00, sekali gus melambangkan tahap amalan yang tinggi berdasarkan klasifikasi yang dicadangkan oleh (Nunnally & Bernstein, 1994). Panduan ini menyatakan bahawa skor purata min antara 4.01 hingga 5.00 ditafsirkan sebagai tinggi, manakala julat skor yang lebih rendah menunjukkan tahap sederhana atau rendah. Secara terperinci seperti di Jadual 3, konstruk Amalan Pengurusan Keperluan Penghargaan Diri mencatatkan nilai min tertinggi iaitu 4.71 (sisihan piawai = 0.43), diikuti oleh Amalan Pengurusan Keperluan Keselamatan (min = 4.70, sisihan piawai = 0.43), dan Amalan Pengurusan Keperluan Sempurna Kendiri (min = 4.67, sisihan piawai = 0.45). Sementara itu, Amalan Pengurusan Keperluan Kasih Sayang menunjukkan nilai min 4.56, dan Amalan Pengurusan Keperluan Asas memperoleh min terendah dalam kalangan konstruk iaitu 4.43, namun masih berada dalam kategori tinggi.

Jadual 3. Tahap amalan pengurusan keperluan murid

Dimensi	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi Skor
Amalan Pengurusan Keperluan Asas	4.43	0.63	Tinggi
Amalan Pengurusan Keperluan Keselamatan	4.70	0.43	Tinggi
Amalan Pengurusan Keperluan Kasih Sayang	4.56	0.51	Tinggi
Amalan Pengurusan Keperluan Penghargaan Diri	4.71	0.43	Tinggi
Amalan Pengurusan Keperluan Sempurna Kendiri	4.67	0.45	Tinggi

Penemuan ini menunjukkan guru besar di sekolah penempatan Orang Asli memberi perhatian serius terhadap aspek motivasi, pengiktirafan, dan jaminan keselamatan murid. Ini selari dengan teori Maslow yang menegaskan bahawa keperluan psikologi dan sosial yang dipenuhi akan meningkatkan keterlibatan serta pencapaian murid. Penekanan terhadap penghargaan diri juga mencerminkan keupayaan guru besar untuk meningkatkan keyakinan dan harga diri murid yang sering berdepan kekangan sosioekonomi.

2. Tahap Kemenjadian Murid Orang Asli

Tahap kemenjadian murid Orang Asli berdasarkan tiga komponen utama iaitu pencapaian akademik, pencapaian kokurikulum dan pencapaian sahsiah ditunjukkan dalam Jadual 4. Ketiga-tiga komponen ini telah dianalisis berdasarkan nilai min dan sisihan piawai, diikuti dengan interpretasi skor. Pertama, komponen pencapaian akademik mencatatkan min sebanyak 4.09 dengan sisihan piawai 0.67. Nilai ini menunjukkan bahawa murid Orang Asli mempunyai tahap pencapaian akademik yang tinggi. Meskipun nilai min ini adalah yang paling rendah berbanding dua komponen lain, ia masih berada dalam kategori tinggi, menggambarkan bahawa murid Orang Asli menunjukkan keberhasilan dalam aspek pembelajaran akademik. Kedua, bagi pencapaian kokurikulum, nilai min yang direkodkan adalah 4.47, iaitu yang tertinggi dalam kalangan ketiga-tiga komponen, dengan sisihan piawai 0.49. Ini menunjukkan bahawa murid Orang Asli sangat aktif dan cemerlang dalam penyertaan aktiviti luar bilik darjah seperti sukan, kelab dan persatuan. Tahap penyertaan dan pencapaian dalam aktiviti kokurikulum ini mencerminkan keseimbangan pembangunan murid dari aspek bukan akademik. Ketiga, pencapaian sahsiah pula mencatatkan min 4.34 dengan sisihan piawai 0.57. Skor ini juga berada pada tahap tinggi, menunjukkan bahawa murid Orang Asli memiliki tingkah laku dan nilai-nilai peribadi yang baik seperti disiplin, hormat-menghormati dan bertanggungjawab. Secara keseluruhannya, kesemua komponen kemenjadian murid Orang Asli berada pada tahap yang tinggi, dengan pencapaian tertinggi dalam bidang kokurikulum, diikuti sahsiah dan seterusnya akademik.

Jadual 4. Tahap kemenjadian murid Orang Asli

Komponen kemenjadian murid	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi Skor
Pencapaian Akademik	4.09	0.67	Tinggi
Pencapaian Kokurikulum	4.47	0.49	Tinggi
Pencapaian Sahsiyah	4.34	0.57	Tinggi

Dapatan menunjukkan murid Orang Asli lebih menonjol dalam aktiviti kokurikulum yang bersifat kolaboratif, praktikal, dan dekat dengan budaya komuniti mereka. Hal ini menguatkan hujah bahawa pembangunan holistik tidak boleh hanya dinilai dari sudut akademik semata-mata. Sahsiyah yang baik pula menggambarkan keberkesanan sekolah dalam membina disiplin dan nilai moral walaupun murid berasal dari latar masyarakat terpinggir.

3. Hubungan antara Amalan Pengurusan Keperluan Murid dengan Kemenjadian Murid Orang Asli

Hasil analisis korelasi Pearson seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5 mendapati nilai pekali korelasi Pearson adalah $r = 0.411$ dengan nilai signifikan $p < 0.001$. Ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan secara statistik antara kedua-dua pemboleh ubah yang dikaji. Merujuk kepada tafsiran Cowan (2011), nilai korelasi dalam lingkungan 0.30 hingga 0.49 dikategorikan sebagai hubungan sederhana. Justeru, keputusan ini mencerminkan bahawa terdapat hubungan positif sederhana antara amalan pengurusan

keperluan murid oleh guru besar dengan tahap kemenjadian murid. Dalam konteks kajian ini, semakin tinggi tahap amalan pengurusan keperluan murid yang dilaksanakan oleh guru besar, maka semakin tinggi juga tahap kemenjadian murid Orang Asli dari aspek akademik, kokurikulum dan sahsiah.

Jadual 5. Hubungan antara amalan pengurusan keperluan murid dengan kemenjadian murid

		Amalan Pengurusan Keperluan Murid	Kemenjadian Murid
Amalan Pengurusan Keperluan Murid	Pearson Correlation	1	.411**
	Sig. (2-tailed)		<.001
	N	342	342
Kemenjadian Murid	Pearson Correlation	.411**	1
	Sig. (2-tailed)	<.001	
	N	342	342

** Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed)

Dapatan menunjukkan semakin proaktif guru besar mengurus keperluan murid, semakin besar potensi murid mencapai kecemerlangan holistik. Walaupun kekuatannya sederhana, hubungan ini tetap penting kerana membuktikan kepimpinan sekolah mempunyai pengaruh langsung terhadap pencapaian akademik, sahsiah, dan kokurikulum. Penemuan ini menyokong kajian lepas Hallinger (2018) yang menekankan bahawa kepimpinan berorientasikan murid dapat meningkatkan motivasi dan keterlibatan pelajar, khususnya dalam komuniti terpinggir seperti Orang Asli.

Perbincangan

Kajian ini dijalankan untuk menguji hipotesis bahawa terdapat hubungan signifikan antara amalan pengurusan keperluan murid oleh guru besar dengan tahap kemenjadian murid Orang Asli. Ketiga-tiga dapatan utama menyokong hipotesis kajian dan memberikan pemahaman mendalam mengenai bagaimana kepimpinan sekolah yang responsif terhadap keperluan murid boleh memberi kesan positif terhadap pembangunan murid secara holistik.

Pertama, tahap amalan pengurusan keperluan murid oleh guru besar yang berada pada tahap tinggi menggambarkan bahawa kepimpinan sekolah dalam konteks komuniti Orang Asli tidak bersifat reaktif, tetapi proaktif dalam memenuhi lima dimensi keperluan murid: asas, keselamatan, kasih sayang, penghargaan diri dan sempurna sendiri. Dapatan ini selari dengan model *Maslow's Hierarchy of Needs* (1943), dan turut disokong oleh Hallinger dan Heck (2011) yang menegaskan bahawa pemimpin sekolah yang menumpukan kepada keperluan psikososial murid mampu membentuk persekitaran pembelajaran yang kondusif dan menyokong perkembangan murid. Dimensi tertinggi dalam dapatan ini, iaitu keperluan penghargaan diri, menunjukkan bahawa guru besar secara aktif membina motivasi murid melalui pengiktirafan dan peneguhan positif, satu strategi yang terbukti meningkatkan keterlibatan murid (Ryan & Deci, 2020).

Kedua, tahap kemenjadian murid Orang Asli turut direkodkan berada pada tahap tinggi, merangkumi pencapaian akademik, kokurikulum dan sahsiah. Kejayaan tertinggi dalam bidang kokurikulum mungkin mencerminkan kecenderungan dan kekuatan budaya komuniti Orang Asli yang menghargai pembelajaran berbentuk praktikal dan kolaboratif, seperti yang dilaporkan oleh Martin et al. (2021) dalam konteks masyarakat *Indigenous* di New Zealand. Sementara itu, pencapaian sahsiah yang tinggi menunjukkan bahawa peranan sekolah dalam membentuk nilai murni seperti tanggungjawab dan hormat telah diserap dengan baik oleh murid, sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Meskipun pencapaian akademik mencatatkan skor min yang paling rendah dalam kalangan tiga komponen, ia masih berada dalam kategori tinggi, memberikan isyarat positif bahawa cabaran struktural seperti kekurangan sumber dan latar belakang sosioekonomi tidak sepenuhnya menghalang potensi murid apabila keperluan asas mereka dipenuhi.

Ketiga, analisis korelasi menunjukkan hubungan positif sederhana yang signifikan ($r = 0.411$, $p < 0.001$) antara amalan pengurusan keperluan murid oleh guru besar dengan tahap kemenjadian murid. Dapatan ini menyokong dan memperkukuh hipotesis kajian bahawa kepimpinan sekolah yang berorientasikan murid memainkan peranan penting dalam pembentukan hasil murid yang menyeluruh. Ini seiring dengan dapatan

Sun dan Leithwood (2015) yang menunjukkan bahawa *student-centered leadership* memberi impak langsung terhadap keterlibatan murid dan pencapaian akademik, khususnya dalam komuniti yang terpinggir. Dalam konteks ini, guru besar bukan sekadar bertindak sebagai pengurus pentadbiran, tetapi juga sebagai fasilitator emosi, sosial dan intelektual murid. Hubungan ini juga menggambarkan keperluan untuk menilai kejayaan sekolah bukan sahaja dari sudut pencapaian peperiksaan, tetapi juga dari sudut kemenjadian murid secara menyeluruh.

Dari sudut implikasi, dapatan kajian ini memperkukuh hujah bahawa pendekatan kepimpinan berfokuskan murid (*child-centered leadership*) perlu dijadikan teras dalam pembangunan profesional guru besar, khususnya di sekolah berisiko tinggi dan berk komuniti minoriti. Kementerian Pendidikan Malaysia boleh mempertimbangkan untuk mengintegrasikan modul pengurusan keperluan murid ke dalam Program Kelayakan Profesional Pemimpin Pendidikan Kebangsaan (NPQEL) atau kursus kepimpinan sekolah. Selain itu, penemuan ini juga menyarankan agar pelaporan prestasi sekolah mengambil kira indikator bukan akademik seperti pencapaian sahsiah dan kokurikulum, khususnya dalam konteks pendidikan Orang Asli. Dari perspektif penyelidikan masa depan, terdapat beberapa laluan yang boleh diterokai. Pertama, kajian longitudinal perlu dijalankan untuk menilai impak jangka panjang amalan pengurusan keperluan murid terhadap pelbagai aspek kemenjadian, termasuk kesejahteraan emosi dan kebolehsuaian sosial. Kedua, pendekatan campuran (*mixed method*) yang menggabungkan temu bual mendalam dengan guru besar, guru dan murid boleh membantu mengenal pasti amalan terbaik dan cabaran sebenar dalam pelaksanaan pengurusan keperluan murid. Ketiga, kajian perbandingan antara sekolah komuniti Orang Asli dan sekolah arus perdana juga wajar dijalankan bagi menilai keberkesanan pendekatan pengurusan berbeza dalam konteks sosioekonomi yang pelbagai.

Secara keseluruhannya, kajian ini menyumbang kepada literatur kepimpinan pendidikan dengan memberikan bukti empirikal bahawa amalan pengurusan keperluan murid oleh guru besar merupakan komponen penting dalam menyokong pembangunan murid dari komuniti marginal. Dapatan ini bukan sahaja relevan dalam konteks Malaysia, malah boleh dijadikan rujukan untuk reformasi pendidikan masyarakat Orang Asli di peringkat serantau dan global.

Kesimpulan

Kajian ini telah dijalankan bagi meneliti hubungan antara amalan pengurusan keperluan murid oleh guru besar dengan tahap kemenjadian murid Orang Asli di sekolah kebangsaan. Berdasarkan dapatan daripada 342 orang guru yang mewakili sekolah penempatan Orang Asli di Semenanjung Malaysia, kajian ini mendapati bahawa amalan pengurusan keperluan murid oleh guru besar berada pada tahap yang tinggi, manakala tahap kemenjadian murid Orang Asli pula berada pada tahap sederhana tinggi. Analisis korelasi Pearson mengesahkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan dan positif antara kedua-dua pemboleh ubah tersebut. Ini menunjukkan bahawa semakin tinggi tahap pengurusan keperluan murid yang dilaksanakan oleh guru besar, semakin tinggi tahap kemenjadian murid yang dilaporkan oleh guru.

Kajian ini secara tidak langsung membuktikan kesahan teori hierarki keperluan Maslow dalam konteks pendidikan komuniti minoriti seperti Orang Asli. Keupayaan guru besar untuk memenuhi keperluan asas, emosi dan psikososial murid dilihat sebagai asas kepada pencapaian potensi murid secara menyeluruh. Dari sudut sumbangan kepada amalan, kajian ini memberi implikasi yang penting kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan guru besar dalam merangka dasar serta strategi pengurusan sekolah. Keputusan kajian menyarankan agar dimensi pengurusan keperluan murid dijadikan satu komponen utama dalam latihan kepimpinan sekolah, terutamanya bagi sekolah yang beroperasi dalam komuniti Orang Asli dan kawasan pedalaman. Guru besar perlu diberikan latihan berkala dalam aspek pengurusan budaya, sokongan emosi murid, dan pendekatan pemulihan pembelajaran yang sesuai dengan keadaan tempatan.

Dari sudut sumbangan kepada bidang ilmu, kajian ini mengisi jurang literatur berkaitan kesan pengurusan sekolah dalam komuniti Orang Asli satu topik yang masih kurang mendapat perhatian dalam kajian pendidikan tempatan. Dengan memberikan data empirikal mengenai hubungan antara amalan pengurusan keperluan dan kemenjadian murid, kajian ini memperkukuh justifikasi keperluan kepada

pendekatan pengurusan yang lebih humanistik, berpusatkan murid dan inklusif dalam kalangan pemimpin sekolah.

Namun begitu, kajian ini mempunyai beberapa keterbatasan yang wajar diberi perhatian. Pertama, kajian ini hanya menggunakan kaedah soal selidik dan tidak melibatkan triangulasi data melalui temu bual atau pemerhatian, yang mungkin dapat memberikan pemahaman yang lebih mendalam terhadap konteks amalan guru besar. Kedua, kajian ini hanya melibatkan guru sebagai responden, dan tidak mengambil kira perspektif murid, ibu bapa atau pentadbir sekolah yang lain. Ketiga, reka bentuk kajian keratan rentas tidak membenarkan inferens kausaliti secara mutlak, sebaliknya hanya menunjukkan hubungan antara pemboleh ubah. Selain itu, hasil kajian ini terhad kepada konteks sekolah kebangsaan Orang Asli di Semenanjung Malaysia, dan tidak boleh digeneralisasikan kepada semua jenis sekolah atau komuniti minoriti yang lain tanpa pertimbangan aspek tempatan.

Sehubungan itu, pengkaji mencadangkan agar kajian lanjutan dijalankan menggunakan pendekatan kajian campuran (*mixed methods*) yang menggabungkan data kuantitatif dan kualitatif, serta melibatkan pelbagai pihak berkepentingan dalam ekosistem sekolah. Kajian longitudinal juga dicadangkan bagi meneliti kesan pengurusan keperluan murid dalam jangka masa panjang terhadap kemenjadian murid. Di samping itu, penyelidikan intervensi yang menilai keberkesanan program atau amalan pengurusan tertentu yang dilaksanakan oleh guru besar boleh membuka ruang baharu untuk memperkukuh strategi kepimpinan dalam pendidikan komuniti marginal di Malaysia.

Penghargaan: Kebenaran daripada Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Kementerian Pendidikan dengan rujukan KPM.600-3/2/3-eras (22854) amat dihargai. Penyelidikan ini merupakan kajian lanjutan daripada penyelidikan yang telah dijalankan pada tahun sebelumnya. Justeru, penyelidik ingin merakamkan penghargaan dan mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua institusi dan pihak yang terlibat atas sokongan serta kerjasama yang telah diberikan dalam memastikan pelaksanaan penyelidikan ini berjalan dengan lancar dan jayanya.

Konflik Kepentingan: Tiada konflik kepentingan

Rujukan

- Abdul Rahman. (2021). *Pelajar Orang Asli ketinggalan PdPR, pembukaan sekolah penyelesaian terbaik*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pelajar-orang-asli-ketinggalan-pdpr-pembukaan-sekolah-penyelesaian-terbaik-abdul-rahman-320469>
- Abdullah, A. H. (2022). A Systematic Review of What Malaysia Can Learn to Improve Orang Asli Students' Mathematics Learning from Other Countries. *Sustainability*, 14(20), 13201. <https://doi.org/10.3390/su142013201>
- Ahmad, B. E., Abdullah, M. A., Shariff, T. I. S. T., Nor, M. Y. M., Ismail, M. R., & Mohd Akhir, N. F. L. (2022). Being successful in school: A case study of the Orang Asli (Aboriginal People) of Malaysia. *International Journal of Evaluation and Research in Education (IJERE)*, 11(4), 1787. <https://doi.org/10.11591/ijere.v11i4.23051>
- Amran, N. F. N., Hashim, N. F., Jumadi, M. K. N., Mohamad Jamil, N., Ibrahim, N., Sagin, C., & Husin, M. R. (2022). Pengurusan Alam Pembelajaran di Sekolah Kebangsaan Nanga Temalat Sarawak. *Journal of Humanities and Social Sciences*, 4(2), 64–72. <https://doi.org/10.36079/lamintang.jhass-0402.388>
- Azmi, N., Ramli, R., & Mohd Yusof, N. (2022). Culturally responsive teaching among Indigenous students in Malaysia: Challenges and opportunities. *Southeast Asia Early Childhood Journal*, 11(1), 18–29.
- Basri, R., Zakaria, M. H., & Hassan, R. (2021). Tahap kemenjadian murid sekolah menengah dari perspektif guru. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 9(1), 15–28.
- Bishop, R., Ladwig, J., & Berryman, M. (2019). Educational reform and Indigenous student outcomes: A literature-based review. *International Journal of Educational Research*, 98, 321–333. <https://doi.org/10.1016/j.ijer.2019.08.008>

- Careemdeen, J. D., & Awang, M. M. (2025). Rural-Urban Disparities in Educational Well-Being: A Study of Secondary School Children in Sri Lanka. *E-Bangi Journal of Social Science and Humanities*, 22(3). <https://doi.org/10.17576/ebangi.2025.2203.07>
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2018). *Research Methods in Education*. Routledge. <https://doi.org/10.4324/9780203224342>
- Cowan, J. (2011). Research methods in education – By Louis Cohen et al. *British Journal of Educational Technology*, 42(5). <https://doi.org/10.1111/j.1467-8535.2011.01222.x>
- Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2018). *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches* (5th ed.). SAGE Publications.
- Daud, N., & Othman, M. S. (2025). Factors For the Dropout of Temiar Indigenous Students' Education in Secondary Schools in Small District of Sungai Siput (U), Perak. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 10(57), 624–643. <https://doi.org/10.35631/IJEPC.1057040>
- Fadhilah, N. (2024). Education Management in Multicultural Schools: Building Tolerance and Inclusion. *Gestion Educative*, 1(1). <https://doi.org/10.62872/vredaq68>
- Hallinger, P. (2018). Bringing context out of the shadows of leadership. *Educational Management Administration & Leadership*, 46(1), 5–24. <https://doi.org/10.1177/1741143216670652>
- Hallinger, P., & Heck, R. H. (2011). Collaborative Leadership and School Improvement: Understanding the Impact on School Capacity and Student Learning. In *International Handbook of Leadership for Learning* (pp. 469–485). Springer Netherlands. https://doi.org/10.1007/978-94-007-1350-5_27
- Harun, K., & Harun, M. A. (2025). Sikap dan Motivasi Murid Sekolah Rendah dalam Kalangan Etnik Luar Bandar Terhadap Bahasa Melayu. *E-Bangi Journal of Social Science and Humanities*, 22(3). <https://doi.org/10.17576/ebangi.2025.2203.57>
- Kamsin, I. F., & Khalid, F. (2023). Education: Orang Asli Students' Perspectives. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 13(12). <https://doi.org/10.6007/IJARBS/v13-i12/20235>
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607–610. <https://doi.org/10.1177/001316447003000308>
- Leithwood, K., & Sun, J. (2012). The Nature and Effects of Transformational School Leadership: A Meta-Analytic Review of Unpublished Research. *Educational Administration Quarterly - EDUC ADMIN QUART*, 48, 387–423. <https://doi.org/10.1177/0013161X11436268>
- Martin, A. J., Ginns, P., Anderson, M., Gibson, R., & Bishop, M. (2021). Motivation and Engagement Among Indigenous (Aboriginal Australian) and Non-Indigenous Students. *Educational Psychology*. <https://doi.org/10.1080/01443410.2021.1879994>
- Maslow, A. H. (1943). A theory of human motivation. *Psychological Review*, 50(4), 370–396. <https://doi.org/10.1037/h0054346>
- Muhammad, N. A., & Alias, B. S. (2020). *Amalan Pemimpin dalam Memenuhi Keperluan Murid dan Tahap Pencapaian Murid Golongan B40 di Negeri Kelantan*. 14–16.
- Muhammad, N., & Mydin Kutty, F. (2021). Hubungan Antara Pembelajaran Regulasi Kendiri dan Motivasi Terhadap Pencapaian Akademik. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(9), 215–229. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i9.1006>
- Nordin, R., Hassan@Yahya, M. S., Rui Fern, V. W., Cherley, M., & Bala Subramaniam, L. (2020). Indigenous Education for the Orang Asli: Legal Perspectives and Best Practices. *Journal of Nusantara Studies (JONUS)*, 5(2), 365–383. <https://doi.org/10.24200/jonus.vol5iss2pp365-383>
- Nunnally, J. C., & Bernstein, I. H. (1994). *Psychometric Theory* (Issue 972). McGraw-Hill Companies, Incorporated. <https://books.google.com.my/books?id=r0fuAAAAMAAJ>
- Othman, I. W. (2022). Educating Orang Asli Students: The Challenges Towards Achieving the Malaysian Sustainable Education Agenda. *Jurnal Intelek*, 17(1), 1. <https://doi.org/10.24191/ji.v17i1.15845>
- Razak, A. Z. A. (2022). Education transformation of Orang Asli students in Malaysia. In *Education in Malaysia* (pp. 34–48). Routledge. <https://doi.org/10.4324/9781003244769-3>

- Rosniza Aznie, C. R., Nor Hazlinda, S., & Novel, L. (2025). Kefahaman Dan Pengalaman Literasi Dalam Kalangan Masyarakat Orang Asli Pahang. *E-Bangi Journal of Social Science and Humanities*.
- Ryan, R. M., & Deci, E. L. (2020). Intrinsic and extrinsic motivation from a self-determination theory perspective: Definitions, theory, practices, and future directions. *Contemporary Educational Psychology*, 61, 101860. <https://doi.org/10.1016/j.cedpsych.2020.101860>
- Sun, J., & Leithwood, K. (2015). Leadership Effects on Student Learning Mediated by Teacher Emotions. *Societies*, 5(3), 566–582. <https://doi.org/10.3390/soc5030566>
- Yaakub, M. Y., & Mohd Hamzah, M. I. (2020). Kepimpinan Distributif Pemimpin Sekolah: Isu Dan Cabaran. *Pengurusan Dan Kepimpinan Pendidikan*.
- Yahaya, Y., & Alias, B. S. (2024). The Impact of Student Affairs Management Practices on Teacher Commitment in Indigenous Schools: A Review and Future Research Directions. *Theory And Practice*, 2024(4), 10164–10175. <https://doi.org/10.53555/kuey.v30i4.6186>
- Yew, W. C., Md Ramlan, S. F., Ahmad, M. R., Ab Manaf, N., Lyndon, N., & Lim, J. W. (2021). Persepsi Ibu Papa Orang Asli Terhadap Pengalaman Pendidikan Anak-anak Orang Asli di Sekolah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(12), 24–39. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i12.1199>
- Zakaria, I., Mat Yasim, J., Mohd Nor, M. Y., & Alias. Bity Salwana. (2021). Hubungan dan Pengaruh Profesionalisme Guru Terhadap Kemenjadian Murid di Sekolah Menengah Negeri Sembilan. In *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)* (Vol. 4, Issue 2).